

TR 6:11:71

PERUTUSAN AIDIL-FITRI OLEH PERDANA
MENTERI MELALUI RADIO/TV MALAYSIA
PADA 18HB NOVEMBER, 1971

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saudara-saudara kaum Muslim,

Besuk kita sekalian akan menyambut Aidil-Fitri.

Pada hari yang berbahagia ini, saya dan isteri saya mengucapkan Selamat Berhari Raya kepada saudara-saudara sekalian dan berdoa semuga Allah memberikan perlindungan dan mencururkan rahmatNya kepada kita semua setiap masa.

Selama sebulan Ramadan yang baru berakhir ini, kita umat Islam telah menunaikan Fardu Puasa sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah.

Hari ini kita bersukaria pula sebagai menandakan rasa syukur ke hadrat Allah kerana dengan berkat taufik dan hidayahNya kita sekalian dapat mengerjakan amal saleh itu dengan sempurna.

Di samping itu, saya rasa pada hari ini patutlah juga kita bertafakur dengan perasaan kyusuk dan tawaddhuk mengenangkan jasa pahlawan-pahlawan Islam dan juga pemimpin-pemimpin kebangsaan kita serta mereka yang telah mendahului kita kerana khidmat bakti yang telah mereka berikan kepada bangsa dan negara.

Saudara-saudara sekalian,

Sebagaimana lazimnya, Aidil-Fitri ini di sambut dengan meriah sebagai perayaan kebangsaan Malaysia bukan saja oleh orang-orang Melayu dan lain-lain yang beragama Islam tetapi oleh semua rakyat tidak mengira bangsa dan ugama.

Ini adalah satu natijah yang baik, kerana melalui perayaan-perayaan seperti ini dapatlah dipupuk perasaan muhibbah dan persefahaman di kalangan rakyat.

Dengan ini lama kelamaan akan tercapailah hasrat kita hendak membina masyarakat yang harmoni dan bersatu padu.

Saya berharap hari-hari perayaan yang lain seperti Krismas, Tahun Baru Cina dan Deepavali akan terus dirayakan dan disambut beramai-ramai oleh semua pihak dan kaum.

Saudara-saudara sekalian,

Sepertimana yang seringkali saya katakan, kejayaan yang diharapkan dari segala rancangan Kerajaan untuk membawa kemakmuran dan kebahagiaan kepada rakyat bergantung besar kepada semangat muhibbah dan perpaduan di kalangan rakyat semua kaum.

Oleh itu adalah mustahak bagi setiap orang, tua dan muda mahupun kanak-kanak menanamkan semangat muhibbah dan perpaduan di hati sanubari masing-masing sambil mengamalkan perinsip-perinsip Rukunegara pada setiap masa.

Melalui hubungan yang baik dan ramah mesra dalam kehidupan sehari-hari itu, semangat persaudaraan akan bertumbuh dan terjalin erat untuk menjamin ketenteraman dan kesetabilan dalam masyarakat.

Saya menarik perhatian saudara-saudara sekalian kepada hakikat ini khususnya, kerana Kerajaan berazam hendak menjayakan rancang usaha yang telah diaturkan dalam Rancangan Malaysia Kedua.

Bagaimanapun, hasrat Kerajaan ini hanya akan tercapai sepenuhnya dengan sokongan dan kerjasama dari semua golongan rakyat.

Tegas kata, saudara-saudara semua mempunyai peranan dan tanggungjawab dalam melaksanakan Rancangan ini.

Oleh itu, saya berharap setiap orang akan menjalankan kewajipan masing-masing dengan penuh azam dan keyakinan, supaya matlamat Kerajaan hendak membawa kebahagiaan kepada rakyat akan tercapai sepenuhnya.

Dalam hubungan ini, sukalah saya mengingatkan bahawa Kerajaan telah menyediakan berbagai-bagai peluang dan membuka bidang-bidang pekerjaan yang lebih luas dengan tujuan hendak meninggikan taraf hidup rakyat serta membasmi kemiskinan di kalangan rakyat.

Kerajaan sedar bahawa kemiskinan merupakan salah satu faktor yang menyebabkan keadaan tidak stabil dan boleh mengancam ketenteraman negara, terutama sekali dalam keadaan di mana terdapat jurang perbezaan ekonomi yang menjolok mata antara golongan yang berada dengan yang tidak berada dan juga pengangguran di kalangan belia.

Saya percaya rakyat seluruhnya, khasnya mereka yang masih ketinggalan dalam perlumbaan hidup, akan tampil ke hadapan merebut peluang-peluang yang terbuka itu serta menggunakannya untuk kebajikan diri mereka sambil berbakti kepada negara.

Saudara-saudara sekalian,

Pada hari yang mulia ini, semasa kita berhariraya dengan riang dan gembira, janganlah kita lupakan ancaman besar yang masih berada di tengah-tengah kita iaitu ancaman dari pengganas Kominis.

Di masa yang akhir-akhir ini, anasir-anasir jahat itu telah meningkatkan kegiatan-kegiatan mereka di negeri-negeri berdekatan dengan sempadan Malaysia/Thailand dan di Sarawak. Kerajaan telah berjaya melumpuhkan kegiatan-kegiatan ini sejak kita melancarkan "Gerakan Ngayau" di Sarawak dan "Gerakan Setia" di Perak dalam bulan September lalu.

Bagaimanapun, kita hendaklah sentiasa berjaga-jaga kerana anasir-anasir Kominis itu akan menjalankan tipu helah mereka untuk mempengaruhi rakyat dengan tujuan hendak menjalankan kekerasan mereka untuk menjatuhkan Kerajaan yang dipilih oleh rakyat.

Saya yakin rakyat tidak akan terpedaya dengan janji-janji palsu mereka itu kerana pada hakikatnya mereka hanya akan membawa kemiskinan, keganasan dan kebinasaan.

Kita bersyukur dan gembira kerana anggota-anggota Angkatan Tentera dan Pasukan Polis Hutan yang bertugas di kawasan sempadan Malaysia/Thai dan di Sarawak mendapat kejayaan-kejayaan gemilang dalam gerakan-gerakan menentang pengganas-pengganas Kominis itu.

Pengorbanan yang mereka berikan, terutama mengingat pada hari yang mulia ini mereka terpaksa berada jauh dari sanak saudara dan kaum keluarga masing-masing, tidak dapat dinilai.

Sesungguhnya Kerajaan dan rakyat amat terhutang budi kepada mereka semua.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada anggota-anggota Angkatan Tentera dan Pasukan Polis Hutan atas semangat keperwiraan mereka menjunjung tinggi nama baik dalam mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara.

Saudara-saudara sekalian,

Dalam beberapa hari lagi, kita akan menjadi tuan rumah kepada Persidangan Menteri-menteri Luar Negara ASEAN di Kuala Lumpur ini.

Saya menganggap Persidangan ini sebagai satu batu tanda yang penting dalam usaha kita hendak mencapai hasrat menjadikan rantau Asia Tenggara ini kawasan yang aman damai dan tidak diganggu oleh sebarang kuasa luar.

Saya amat berpuas hati juga dengan hasil-hasil lawatan saya ke luar negeri tidak lama dahulu, di mana saya telah menemui pemimpin-pemimpin beberapa negara besar termasuk Perdana Menteri Canada dan Jepun dan juga Presiden Nixon dan bertukar-tukar pendapat mengenai hal-hal yang berkaitan dengan keselamatan rantau ini.


Nyatalah juga bahawa perkembangan iktisad negara kita dan dasar luar yang kita jalankan sekarang, khasnya dasar berkecuali amat bertepatan dalam pergolakan politik dunia antara bangsa pada hari ini.

Sebagai negara yang sedang membangun, hasrat utama kita ialah memulihkan suasana yang aman dan tenteram supaya setiap bangsa di rantau ini dapat hidup dalam aman damai menikmati kemajuan dan kemakmoran.

Saudara-saudara sekalian,

Akhirnya, saya sekali lagi mengambil kesempatan ini mengucapkan salam sejahtera kepada seluruh rakyat sambil berharap semoga kita mengukuhkan azam menjadikan Malaysia ini negara yang aman di mana setiap orang akan mempunyai tempat yang wajar bersama-sama menikmati kemakmoran dan kebahagiaan.

SELAMAT HARI RAYA!



Tun Abdul Razak bin Hussein sedang menandatangani satu Pengisytiharan di upacara penutup mesyuarat Menteri-menteri Luar Negara-Negara ASEAN di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur, pada 27hb November, 1971.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)